

## Kaut RM120,000 setiap bulan



MOHAMAD Amir (dua dari kanan) bersama anggotanya menunjukkan jersi tiruan yang dirampas. FOTO Dziyaul Afnan Abdul Rahman.

**Dziyaul Afnan Abdul Rahman**  
[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)

DALAM tempoh lima tahun, lelaki ini meraih sehingga RM120,000 setiap bulan yang semuanya hasil daripada jualan jersi tiruan secara dalam talian.

Malah, sindiket itu antara terbesar di wilayah utara dengan pelanggannya dari seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Semuanya terbongkar selepas sepasukan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perlis menyerbu sebuah rumah dua tingkat di Taman Bukit Kayang, Kangar, hari ini.

Rumah itu dipercayai dijadikan pusat pengumpulan dan pengedaran jersi tiruan.

Ketua Pegawai Penguatkuasaan KPDNHEP Perlis, Mohamad Amir Abdullah berkata, pihaknya menahan lelaki yang juga ketua sindiket berusia 26 tahun bersama lima pekerjaanya termasuk empat wanita berusia 26 hingga 35 tahun pada 11.30 pagi.

"Kita merampas 2,212 helai jersi tiruan pelbagai jenama yang bernilai RM183,000 bersama mesin elektronik beberapa unit komputer, mesin pencetak dan mesin mengecop.

"Lelaki itu mengetuaui sindiket berkenaan dipercayai giat aktif sejak 2015 dengan menjual jersi pasukan bola sepak tiruan pelbagai negara Eropah dan Asia menerusi Facebook dan Instagram.

"Pihak kami sudah memerhatikan sindiket ini sejak sebulan lalu melalui risikan dalaman dan kita percaya sindiket yang diketuainya itu antara yang terbesar di utara Semenanjung," katanya ketika ditemui di rumah berkenaan.

Mohamad Amir berkata, kesemua jersi terbabit dijual kepada pelanggan pada harga RM50 sehingga RM100 sehelai bergantung kepada jenis pasukan bola sepak.

"Suspek juga mengaku dia sudah melakukan banyak transaksi dengan menghantar jersi yang ditempa ke seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

"Kesemua barang rampasan dibawa ke ibu pejabat manakala suspek ditahan sementara waktu untuk tahanan reman esok," katanya.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 102(1) (c) Akta Cap Dagangan 2019 dan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda dan penjara.

**Artikel ini disiarkan pada : Rabu, 11 Mac 2020 @ 3:35 PM**

